

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Tajuk : SEMPENA PELANCARAN KUTIPAN DERMA RAYUAN HARI PAHLAWAN TAHUN  
1986  
Lokasi : MELALUI RADIO TELEVISYEN MALAYSIA (RTM)  
Tarikh : 30-07-1986

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Saya berasa sukacita kerana telah diberi peluang untuk melancarkan kutipan derma rayuan Hari Pahlawan bagi tahun ini. Kita semua sedia maklum bahawa kutipan derma rayuan Hari Pahlawan ini adalah dikelolakan oleh Persatuan Bekas Perajurit Malaysia. Kutipan derma ini berjalan serentak di seluruh negara untuk selama satu bulan mulai 31hb. Julai pada setiap tahun. Dalam jangka masa yang sama, Persatuan tersebut akan menjalankan berbagai-bagai aktiviti di dalam usaha untuk memungut derma daripada orang ramai serta para dermawan sekalian. Di antara aktiviti-aktiviti tersebut termasuklah menjual berbagai-bagai cenderamata dan juga menghubungi gedung-gedung perniagaan serta orang-orang kenamaan melalui pengedaran surat-surat rayuan Hari Pahlawan.

2. Kita bersyukur kerana pada tahun lalu, Persatuan Bekas Perajurit Malaysia telah berjaya memungut hampir \$800,000 ringgit untuk mengisi tabung kebajikannya. Justeru itu, Persatuan tersebut telah berjaya meneruskan kegiatan kebajikannya bagi membantu balu-balu, ahli-ahli yang kurang upaya serta anak-anak ahli yang kurang bernasib baik untuk meneruskan kehidupan harian mereka serta membantu anak-anak ahli di dalam bidang pelajaran. Usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Persatuan ini sepatutnyalah mendapat sokongan dan galakan yang berterusan daripada orang ramai sebagai menghormati dan membalas segala budi baik dan pengorbanan yang telah ditunjukkan oleh perajurit-perajurit terhadap negara ini.

Para dermawan yang saya hormati sekalian,

3. Kita hendaklah sentiasa menginsafi dan mengambil contoh daripada pengorbanan yang ditunjukkan oleh perajurit-perajurit kita. Mereka ini adalah terdiri daripada berbagai-bagai kaum anak watan negara yang telah mengorbankan usia remaja mereka berjuang untuk menegakkan keamanan dan kestabilan negara. Dalam menuju cita-cita tersebut, mereka bukan sahaja terpaksa menghadapi berbagai-bagai masalah dan rintangan, bahkan terpaksa pula menggadai nyawa mereka demi ibu pertiwi.

4. Oleh yang demikian, adalah tidak wajar bagi lain-lain golongan rakyat Malaysia sama ada yang tinggal di bandar ataupun di desa, atau sama ada mereka itu kaya ataupun mereka berpendapatan rendah, mensia-siakan pengorbanan serta contoh teladan yang telah ditunjukkan oleh perajurit-perajurit tanahair. Adalah juga tidak wajar bagi mana-mana kaum pun di dalam negara ini untuk membangkitkan isu-isu yang boleh menjejaskan keamanan dan kestabilan negara yang kita cintai ini. Sebaliknya, kita hendaklah sama-sama berganding bahu di antara satu dengan yang lain dengan lebih erat lagi bagi membangunkan negara ini baik dari segi ekonomi, sosial, pelajaran, keselamatan dan sebagainya supaya maruah bangsa dan negara akan sentiasa terpelihara dan dihormati pada setiap masa. Pendek kata, janganlah kita lupa kepada kata-kata hikmat orang tua-tua 'bersatu kita teguh, bercerai kita roboh'.

Para dermawan yang dihormati sekalian,

5. Sekali lagi saya ingin menyentuh mengenai usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Persatuan Bekas Perajurit Malaysia. Saya tertarik hati dengan segala dayausaha yang telah diambil oleh Persatuan tersebut bagi membantu balu-balu serta ahli-ahli Persatuan yang kurang bernasib baik. Usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Persatuan tersebut patutlah disanjung tinggi oleh masyarakat di negara ini. Dengan mengadakan sekim-sekim bantuan kebajikan yang dikelolakan oleh Persatuan ini, maka secara langsung mereka telah dapat meringankan beban yang sedang dipikul oleh Kerajaan.

6. Saya menaruh harapan bahawa para dermawan sekalian akan menyahut seruan ini untuk terus menyumbangkan derma kepada Persatuan Bekas Perajurit Malaysia bagi membolehkan mereka mempergiatkan lagi usaha-usaha murni ini. Segala sumbangan adalah dikecualikan daripada cukai

pendapatan.

7. Tanggal 31hb. Julai adalah merupakan suatu tarikh di mana telah diisytiharkan tamatnya darurat dalam tahun 1960.

Sempena dengan pengisytiharan yang begitu bermakna kepada kita semua, maka tarikh yang sama diabadikan sebagai Hari Pahlawan bagi mengenang jasa dan segala pengorbanan yang telah ditaburkan oleh pahlawan-pahlawan kita terhadap negara.

8. Sempena dengan peristiwa-peristiwa yang bersejarah ini, adalah wajar bagi kita semua membalas segala budi dan pengorbanan pahlawan-pahlawan kita dengan membantu bekas-bekas perajurit serta keluarga mereka yang kurang upaya untuk meneruskan kehidupan mereka. Marilah kita sama-sama berbudi kepada mereka yang telah berbakti kepada negara dan bangsa.

9. Sebagai penutup, saya ingin menyeru sekali lagi kepada rakyat di negara ini untuk terus membantu dan menderma kepada Persatuan Bekas Perajurit Malaysia dalam usaha-usaha mereka. Terima kasih.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.